



کمنتین کبودایان بلیا

دان سوکن

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN

جانغ  
CANANG

Julai 2023



## PETIKAN TITAH



"Pihak Kerajaan beta juga akan memperkenalkan gaji minima merentasi semua sektor industri bagi pekerja swasta secara berperingkat, selaras dengan amalan terbaik di peringkat serantau dan antarabangsa. Beta ingin melihat semua pihak yang berkenaan, terutama sekali sektor perniagaan untuk menyokong inisiatif ini, kerana ia merupakan satu kemajuan ke arah mengukuhkan kehidupan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk."

"Bagi memastikan terjaminnya kesejahteraan rakyat dan penduduk, Beta ingin melihat pihak-pihak yang berkepentingan akan lebih aktif mengkaji dan meningkatkan lagi tahap pencapaian masing-masing, selaras dengan penanda aras antarabangsa. Ini termasuk juga semua perkhidmatan Kerajaan Beta dan yang disediakan oleh sektor swasta seperti sumber bekalan elektrik dan sumber air. Ini semua adalah asasi untuk kelangsungan hidup dan aktiviti perekonomian."

"Bagi sektor-sektor perniagaan, perdagangan dan pelaburan pula, Kerajaan beta telah menandatangani beberapa perjanjian dan memorandum persefahaman dengan beberapa buah negara untuk memperluaskan lagi peluang di bawah sektor-sektor tersebut."

"Negara Brunei Darussalam juga perlu bergerak lebih cepat, dengan menggalakkan lebih banyak *Foreign Direct Investment* yang berkualiti untuk membantu mempelbagaikan ekonomi, dan dalam masa yang sama, menyediakan peluang pekerjaan dan 'spin off' untuk Perniagaan Kecil dan Sederhana tempatan."

"Mengenai Perubahan Iklim, Beta telahpun memperkenankan Dasar Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (BNCCP), yang menggariskan 10 strategi untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dan membuka jalan bagi Negara Brunei Darussalam untuk ber-karbon rendah dan *climate-resilient*."

"Negara Brunei Darussalam telah mengurangkan pelepasan gas rumah hijau tahunan dan akan terus mengurangkan pelepasan gas rumah hijau sebanyak 20% menjelang 2030, selaras dengan komitmennya di bawah Perjanjian Paris dan telah berjanji untuk mencapai pelepasan sifar bersih menjelang 2050."

### TITAH

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH  
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,  
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Sempena Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-77 Tahun 1444/2023





## **SIDANG EDITORIAL CANANG**

### **Penasihat:**

Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hassan bin Pengiran Haji Ali Hassan  
Setiausaha Tetap (Kebudayaan)

### **Pengerusi:**

Yang Mulia Awang Amirul Shukri bin Haji Hafneh  
Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan

### **Pengarang/Sumber Berita:**

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Jabatan Muzium-Muzium  
Pusat Sejarah Brunei  
Jabatan Belia dan Sukan  
Jabatan Pembangunan Masyarakat  
Jabatan Penerangan

### **Susun Atur dan Penyelaras**

Unit Perhubungan Awam  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

### **Penyunting**

Yang Mulia Dayang Hurul'Ain Nukhbah binti Rabaha  
Pegawai Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka

### **Pruf dan Penyemakan:**

Yang Mulia Awang Suip bin Haji Abd bin Haji Abd Wahab  
Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

### **Fotografi:**

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Jabatan Muzium-Muzium  
Pusat Sejarah Brunei  
Jabatan Belia dan Sukan  
Jabatan Pembangunan Masyarakat

### **Terima Kasih atas Ihsan foto kepada:**

Jabatan Penerangan

**MAJLIS IBADAH KORBAN SEMPENA  
SAMBUTAN HARI RAYA AIDILADHA BAGI  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
BAGI TAHUN 1444H/2023M**



**Bandar Seri Begawan, Sabtu, 12 Zulhijjah 1444 / 1 Julai 2023** – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hari ini telah mengadakan Majlis Ibadah Korban bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya bertempat di Dewan Digadong, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Awang Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang seterusnya menyempurnakan pengagihan daging-daging korban.

Sebanyak 7 ekor kerbau telah dikorbankan pada tahun ini. Seramai 250 orang yang terdiri daripada penerima penghuni Pusat Penempatan Sementara dari Jabatan Pembangunan Masyarakat, anak-anak yatim dan warga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya menerima daging-daging korban berkenaan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, Selawat Tafrijiyyah dan Sayyidul Istighfar, Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dan Doa Memohon Perlindungan dari Wabak Covid-19 di ketuai oleh Yang Mulia Ustaz Awang Haji Nordin bin Haji Duraman, Guru Ugama Terlatih, Jabatan Pembangunan Masyarakat. Majlis diteruskan dengan penyempurnaan pengagihan daging korban.

Hadir sama dalam majlis ini ialah Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, Pengarah-Pengarah Bahagian dan Jabatan, Pegawai dan Kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan dibawahnya.

Majlis ini merupakan aktiviti/program tahunan yang diungkuhkan oleh Badan Kebajikan dan Keagamaan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi menyemarakkan sambutan hari-hari kebesaran Islam, di samping mengongsikan kegembiraan kepada golongan-golongan yang kurang berkemampuan. Majlis seumpama ini juga diadakan bagi mengeratkan ikatan ukhuwah dan tali silaturahmi dalam kalangan warga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.





## MAJLIS SAMBUTAN BULAN BAHASA 2023



**Gadong, Rabu, 16 Zulhijah 1444 /5 Julai 2023** – Majlis Sambutan Bulan Bahasa 2023 pada tahun ini diadakan secara hibrid, iaitu secara fizikal di Ruang legar, Pusat Beli-Belah The Mall, Gadong, manakala secara maya penyertaan orang ramai melalui aplikasi Zoom dan penstriman langsung menerusi media sosial Facebook Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. Turut hadir ialah Ahli Jawatankuasa Tertinggi Bulan Bahasa 2023, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ahli Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu Brunei Darussalam, Para Penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara (SEA Write Award), mantan Pengarah dan Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, para penulis serta para pencinta bahasa dan sastera.

Antara objektif penganjuran Bulan Bahasa ialah memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara dan jati diri bangsa; memupuk rasa kepemilikan bersama terhadap bahasa Melayu; memasyarakatkan bahasa Melayu melalui keikutsertaan orang ramai; serta menggema dan menyemarakkan Sambutan Bulan Bahasa ke seluruh negara.

Tema Bulan Bahasa 2023 masih mengekalkan tema pada tahun lepas "Memperkasakan Bahasa Melayu" menjadi tanggungjawab dan kesedaran awam seluruh masyarakat dalam upaya mendaulat dan melestarikan bahasa Melayu sebagai warisan sosial masyarakatnya ke arah pembentukan jati diri bangsa.

Sambungan Muka Surat 5



Majlis Sambutan Bulan Bahasa 2023 bermula dengan bacaan Ikrar Bahasa oleh Penuntut-penuntut Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan yang diketuai oleh Yang Mulia, Cikgu Tan Been Tiem, Duta Bahasa 2015, diikuti dengan Deklamasi Sajak yang disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Majlis diteruskan lagi dengan ucapan tetamu kehormat dan pelancaran Sambutan Bulan Bahasa 2023. Seterusnya, Persembahan Pidato yang disampaikan oleh Yang Mulia Awang Muhammad Iqbaal Syakib bin Haji Suhib selaku Johan Pertandingan Pidato Kebangsaan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-39, Tahun 2023 yang bertajuk "Hati Budi Melayu: Calak Bangsa Budiman." Majlis juga disertai dengan Persembahan Silat yang disampaikan oleh Pelajar-pelajar Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Majlis berakhir dengan penyampaian gelar Duta Bahasa, hadiah-hadiah, cenderamata dan sijil penghargaan kepada pemenang-pemenang Pertandingan Seni Khat Jawi, Peraduan Menterjemah Buku Cerita Kanak-Kanak Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Peraduan Adaptasi Novel ke Skrip Drama Pentas, para panel hakim, pelajar cemerlang, dan peserta persembahan serta syarikat-syarikat tajaan.



## FORUM "NAFKAH ISTERI DAN ANAK-ANAK DALAM UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM"

**Berakas, Rabu, 16 Zulhijjah 1444 / 5hb Julai 2023** - Masyarakat khususnya kaum wanita perlu didedahkan bagaimana mereka dapat menuntut hak mereka dan anak-anak di mana proses undang-undang adalah merupakan jalan terbaik untuk mendapatkan hak berkenaan.

Dalam isu tuntutan, masih ramai masyarakat yang memerlukan khidmat nasihat dengan cara yang betul namun tidak mempunyai tempat khusus untuk mendapatkan khidmat berkenaan.

Perkara tersebut antara yang ditekankan dalam ucap-tama yang disampaikan oleh Yang Mulia Awang Arif Haji Awang Hassan bin Haji Awang Metali, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah pada forum bertajuk 'Nafkah Isteri dan Anak-Anak Dalam Undang-Undang Keluarga Islam di Negara Brunei Darussalam' berlangsung di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Menurut Yang Mulia Awang Arif Haji Awang Hassan, daripada statistik yang diperolehi dari Mahkamah Syariah jelasnya, pada tahun 2020 dan 2021, jumlah perceraian yang direkodkan berjumlah 1,162 kes dan kebanyakan kes-kes perceraian tersebut adalah atas sebab-sebab tidak ada persefahaman.

Oleh itu, tambahnya, pihak kerajaan tambahnya perlu mengambil inisiatif di samping mengadakan jerayawara-jerayawara untuk membarigakan lagi mengenai undang-undang dan hak nafkah ini.

Forum kelolaan Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam sempena Hari Wanita Antarabangsa itu juga menerangkan mengenai pemahaman tentang hak dan tanggungjawab suami dalam memberikan nafkah kepada isteri dan anak-anak.

Seramai 300 orang terdiri daripada para penjawat awam di semua kementerian Negara Brunei Darussalam, penuntut-penuntut dari institusi-institusi pengajian tinggi, ahli-ahli persatuan-persatuan serta ahli takmir dan Muslimah masjid menghadiri forum berkenaan.



Dua ahli panel dijemput bagi menjayakan forum iaitu Ketua Pejabat Pembangunan Kerjaya dan Jaringan Industri / Yang Mulia Dr. Zurairatul Zakiah binti Dato Seri Setia Haji Rajid, Penolong Profesor, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan Yang Mulia Profesor Madya Dr. Hakimah binti Yaacob dari Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam Universiti Islam Sultan Sharif Ali.



Sementara itu, Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Hairuni binti Haji Mohamed Ali Maricar, Penasihat II Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam adalah selaku moderator bagi forum berkenaan.

Forum antara lain menyentuh tentang hak dan tanggungjawab suami dalam memberikan nafkah isteri dan anak-anak dalam Islam, implikasi undang-undang keluarga Islam di negara ini terhadap penguatan peranan dan tanggungjawab suami sebagai penyelenggara nafkah keluarga dan perlindungan dan kesejahteraan bagi isteri dan anak-anak dalam hukum Islam.

Dengan tema 'Mewujudkan Keadilan dan Kesejahteraan Keluarga Berlandaskan Nilai-nilai Islam', forum ini akan menjadi platform bagi pelbagai pemangku kepentingan, termasuk ulama, sarjana agama, akademisi, serta pihak-pihak terkait lainnya, untuk berdialog dan berdiskusi tentang masalah nafkah isteri dan anak-anak dalam Islam serta peranannya dalam undang-undang keluarga Islam di negara ini.

Forum tersebut berharap dapat memberikan wawasan mengenai undang-undang keluarga Islam dan bagaimana pelaksanaan nilai-nilai Islam dapat mendorong keadilan dan kesejahteraan keluarga di negara ini.



## MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN DERMA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KEBANGSAAN TABUNG KEMANUSIAAN GEMPA BUMI REPUBLIC TURKIYE DAN REPUBLIK ARAB SYRIA



**Bandar Seri Begawan, Isnin, 21 Zulhijjah 1444 / 10 Julai 2023** – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menerima sumbangan bagi Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Republik Turkiye dan Republik Arab Syria hari ini daripada Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan syarikat-syarikat telekomunikasi iaitu Datastream Digital Sendirian Berhad, Progresif Sendirian Berhad dan Imagine Sendirian Berhad dengan jumlah keseluruhan yang diterima sebanyak BND303,626.16. Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Republik Turkiye dan Republik Arab Syria telah dibuka kepada orang ramai pada 14 Februari 2023 dan ditutup secara rasmi pada 14 Mei 2023.

Hadir bagi menerima sumbangan tersebut ialah **Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman**, Menteri Hal Ehwal Ugama dan **Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad**, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, selaku Penasihat-Penasihat Bersama Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Republik Turkiye dan Republik Arab Syria.

Majlis berlangsung di Dewan Digadong, bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sumbangan daripada Jabatan Hal Ehwal Masjid berjumlah **BND132,344.16** itu disampaikan oleh Yang Mulia Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri, Pemangku Pengarah Jabatan Hal Ehwal Masjid kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sumbangan tersebut adalah hasil kutipan daripada 116 buah peti tabung yang ditempatkan di masjid-masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara.



Sumbangan daripada pihak DST Sdn Bhd berjumlah **BND138,649.00** telah disampaikan oleh Yang Mulia Awang Amir bin Pehin Dato Haji Hussin, Naib Presiden Kanan Operasi Pelanggan DST Sdn Bhd kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Dariapda jumlah tersebut, sebanyak **BND133,649.00** adalah hasil kutipan daripada kempen SMS Brunei Prihatin daripada pelanggan-pelanggan DST, manakala sejumlah **BND5,000.00** pula adalah sumbangan daripada DST Sdn Bhd.

Progresif Sdn Bhd pula menyumbangkan sebanyak **BND31,755.00** yang disampaikan oleh Yang Mulia Hajah Nurul Haniah binti Haji Mohd Jaafar, Ketua Pegawai Eksekutif Progresif Sdn Bhd kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Sebanyak BND29,755.00 daripada jumlah tersebut adalah hasil kutipan daripada kempen SMS Brunei Prihatin daripada pelanggan-pelanggan Progresif dan sejumlah BND2,000.00 adalah sumbangan daripada Progresif Sdn Bhd.



Imagine Sdn Bhd menyerahkan sejumlah **BND878.00** yang disampaikan oleh Yang Mulia Awang Allen On, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Imagine Sdn Bhd dan Pengarah di Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Sumbangan tersebut adalah hasil kutipan daripada kempen SMS Brunei Prihatin dan portal laman sesawang Imagine di [www.imagine.com.bn](http://www.imagine.com.bn)

Turut hadir ke majlis penyerahan tersebut ialah Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama yang juga selaku Timbalan Penasihat jawatankuasa tabung.

Acara kemudian diteruskan dengan Mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Republik Turkiye dan Republik Arab Syria yang dipengerusikan bersama oleh Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Yang Mulia Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Antara yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut adalah mengenai kaedah-kaedah bagi menyalurkan sumbangan tersebut kepada rakyat dan penduduk di Republik Turkiye dan Republik Arab Syria.

Dalam kesempatan ini, Urus Setia Jawatankuasa Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Republik Turkiye dan Republik Arab Syria sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua penderma-penderma sama ada secara individu, berkumpulan, jabatan, pertubuhan, badan-badan atau syarikat-syarikat yang telah menyumbang kepada tabung berkenaan. In shaa Allah, dengan sumbangan ikhlas yang telah dihulurkan para penderma akan mendapat ganjaran yang setimpal daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua. Amin.

## KUNJUNGAN HORMAT



**Bandar Seri Begawan, Rabu, 23 Zulhijjah 1444 / 12 Julai 2023** - Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, telah menerima kunjungan hormat daripada Yang Mulia Puan Agnete Johnsgaard-Lewis Lewis, Pengarah Urusan Brunei Shell Petroleum Company Sdn Bhd.

Majlis ini berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, turut dihadiri oleh Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tujuan kunjungan hormat tersebut adalah untuk memperkenalkan secara formal Yang Mulia Puan Agnete sebagai Pengarah Urusan Brunei Shell Petroleum dan kedua-dua belah pihak menyentuh beberapa isu semasa yang menjadi perhatian dan kepentingan bersama.

**MAJLIS PENYAMPAIAN PENGURIAAN PINGKAT KERJA LAMA (P.K.L)  
SEMPENA ULANG TAHUN KEPUTERAAN  
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGIN  
DA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
YANG KE-76 TAHUN BAGI TAHUN 2022**



**Berakas, Rabu, 23 Zulhijjah 1444 / 12 Julai 2023** - Majlis Penyampaian Pingat Kerja Lama (PKL) sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-76 bagi Tahun 2022 untuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya telah diadakan di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan pingat-pingat berkenaan ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Awang Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis tersebut bertujuan untuk memberikan setinggi-tinggi penghargaan bagi warga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan atas jasa bakti mereka kepada raja, kerajaan dan dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan.

Dengan penyampaian pingat-pingat tersebut, ia akan dapat menyuntik lagi semangat bagi warga yang lain untuk turut meningkatkan mutu kerja dengan lebih gigih dan cemerlang.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyempurnakan Pingat Kerja Lama sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-76 kepada 12 warga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Yang Mulia Awang Md Irfan bin Haji Ali Akbar, Pegawai i-Ready Perkembangan Ugama, Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan diteruskan dengan penyampaian Pingkat Kerja Lama.

Turut hadir, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Pengarah-Pengarah Jabatan dan Bahagian dan Pegawai dan Kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



## MAJLIS PELANCARAN DAN APRESIASI PENERBITAN BUKU JUNJUNG KASIH II : LEGASI BERSEMI DI BUMI TEMASEK



**Jerudong, Ahad, 5 Muharam 1445 / 23 Julai 2023** - Pusat Sejarah Brunei dengan kerjasama Penuntut-penuntut Asrama Kerajaan Brunei Singapura telah mengadakan Majlis Pelancaran dan Apresiasi Penerbitan Buku Junjung Kasih II : Legasi Bersemi di Bumi Temasek yang berlangsung di Ruang Legar VIP, Kompleks Sukan Jerudong.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis dimulakan dengan bacaan doa selamat dan seterusnya ucapan alu-aluan daripada Pengerusi Majlis, iaitu Yang Mulia Ir. Haji Hamidon bin Haji Mohd. Tahir dan ucapan Pengetua Pusat Sejarah Brunei, iaitu Yang Mulia Dr Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

Setelah itu, majlis diteruskan lagi dengan perasmian Buku Junjung Kasih II: Legasi Bersemi di Bumi Temasek yang telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Buku ini adalah jilid kedua yang berkesinambungan daripada buku Junjung Kasih: Sumbangan Penuntut Biasiswa Kerajaan Brunei di Singapura (1950-1982) yang diterbitkan pada tahun 2019. Buku kedua ini mengandungi pengalaman pendidikan, ilmu pengetahuan dan kepelbagaian kepakaran penuntut-penuntut AKBS semasa menuntut di Singapura dan berkhidmat dengan kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sebanyak 32 artikel termasuk sebuah syapen, lima buah sajak dan dua buah resensi buku telah disumbangkan oleh 28 orang penulis dalam penerbitan buku Junjung Kasih II kali ini. Antara tajuk artikel yang terkandung dalam buku yang mengandungi 394 halaman ini ialah "Tanglin Hill: Tempat Baharu Suasana Baharu", "Memoir: Rahmat dan Nikmat yang Disyukuri" dan "Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien: Satu Mercu Tanda Teknologi Kejuruteraan Awam."





Penerbitan buku ini adalah salah satu matlamat utama Pusat Sejarah Brunei sebagai Pusat Kecemerlangan Sejarah dan Kesultanan Brunei dalam mengembangkan kerjasama dan mempelbagai penerbitan.

Antara objektif penerbitan buku *Junjung Kasih II: Legasi Bersemi di Bumi Temasek* adalah ia diharapkan dapat meningkatkan penerbitan Pusat Sejarah Brunei bagi memperkaya sumber dan maklumat yang berharga kepada rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam bagi sama-sama menanai dan memajukan tanah air dalam semua bidang; menarik minat orang ramai khususnya golongan belia, para akademik, penyelidik dan pencinta sejarah untuk sama-sama mempelajari, mengetahui dan memahami sejarah tanah air; dan sebagai sumber dan inspirasi dalam merancang pembangunan masa depan negara.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan seterusnya menyampaikan cenderamata kepada 28 orang penulis Buku *Junjung Kasih II: Legasi Bersemi di Bumi Temasek* dan seterusnya menyampaikan Anugerah Seri Temasek kepada **3 orang** penerima iaitu:

- 1. Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.**
- 2. Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.**
- 3. Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Kifrawi bin Dato Paduka Haji Kifli.**

Majlis diserikan dengan deklamasi sajak berjudul "Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin" disampaikan oleh Yang Mulia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; dan sebuah syair (syapen) turut didendangkan berjudul "Hidup Sederhana" hasil nukilan Ibnu 'abdir-raheem iaitu Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim.



## MAJLIS MEMBACA SURAH YAASIN DAN TAHLIL SEMPENA SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN KE-18, TAHUN 2023



**Kubah Makam Diraja, Isnin, 6 Muharam 1445 / 24 Julai 2023** - Majlis Membaca Surah Yasin dan Bertahlil khusus bagi ayahanda dan bonda serta anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan ke-18, Tahun 2023.

Hadir selaku Ketua Rombongan ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, diikuti dengan bacaan Surah Yaasin dan Tahlil serta Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Yang Mulia Awang Abdul Qawiyel Azeez bin Haji Abdul Rajid, Johan Qari Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1444/2023.

Turut hadir, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengarah-Pengarah Bahagian dan Jabatan, Pegawai dan Kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya, Persatuan-Persatuan Belia dan Sukan, Pasukan-Pasukan Belia Beruniform, Institusi-Institusi Pengajian Tinggi dan Menengah, Belia-Belia Masjid, serta pihak-pihak yang berkepentingan yang lain.



# SIDING MEDIA BAGI SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN KE-18, TAHUN 2023



**Berakas, Isnin, 06 Muharam 1445 / 24 Julai 2023** - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan Titah perkenan untuk mengadakan Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-18, Tahun 2023.

Sehubungan dengan itu, satu Sidang Media bagi sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-18, Tahun 2023 telah diadakan bertempat di Dewan Citra Budaya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Yang Mulia Pengiran Mohd Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukanan) selaku memangku Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan juga selaku Setiausaha Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-18, Tahun 2023 telah mengongsikan maklumat-maklumat mengenai acara-acara utama termasuk majlis-

majlis keagamaan dan persiapan-persiapan yang telah dilaksanakan bagi sambutan tersebut.

Acara Kemuncak Sambutan iaitu Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-18, Tahun 2023 akan diadakan pada Selasa, 14 Muharam 1445 bersamaan 1 Ogos 2023 di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas bermula pukul 9.00 pagi.

Tema Hari Belia Kebangsaan pada tahun ini dikekalkan seperti tahun 2019, 2020, 2021 dan 2022 itu "BELIA SIAGA MASA DEPAN" yang mana tema ini masih relevan dengan situasi sekarang dengan penumpuan kepada Konsep Sambutan iaitu Aspirasi Belia.

Konsep Sambutan pada kali ini akan memfokuskan kepada tiga (3) fokus utama iaitu:

- a) **Sumbangan Belia:** Sumbangan belia melalui aktiviti persatuan/pergerakan yang menjurus kepada memperkuatkan budaya perpaduan. Ini termasuk sumbangan para belia secara individu yang menyokong aspirasi negara ke arah membina sebuah negara yang dinamik, makmur dan inklusif.
- b) **Kemahiran dan Ilmu:** Kerjayaan belia Brunei melalui kemahiran yang sedia ada dan baru. Ini termasuk kemahiran dari aspek perniagaan, inovasi dan teknologi, kajian dan ilmu pengetahuan serta industri kreatif.
- c) **Warisan dan Budaya:** Hasil karya belia yang menjurus kepada memelihara dan memperkukuhkan warisan, bangsa, budaya dan ketamadunan orang Brunei yang meliputi gaya hidup, industri kebudayaan, teknologi, warisan dan budaya serta kesenian orang brunei.

Beberapa program telah pun disusun untuk dimuatkan dalam Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan itu nanti. Antaranya ialah:

- a) Pengurniaan Anugerah-Anugerah Hari Belia Kebangsaan dalam empat kategori iaitu Belia Cemerlang, Belia Berkhidmat, Pemimpin Muda Belia dan Projek Cemerlang Untuk Belia;
- b) Satu Anugerah Pengiktirafan Khas Insyallah akan diberikan kepada seorang belia yang akan turut dimaklumkan semasa Majlis Sambutan nanti;
- c) Pameran Hari Belia.



Beberapa acara-acara keagamaan dan sampingan juga telah pun disusun sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan itu nanti. Antaranya:

- a) Majlis Membaca Surah Yaasin dan Tahليل di Kubah Makam Diraja sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-18, Tahun 2023 yang telah diadakan pada hari Isnin, 24 Julai 2023, pukul 9.00 pagi.
- b) Majlis Doa Kesyukuran (Solat Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Bacaan Surah Yaasin, Bertahليل Serta Doa Kesyukuran) akan diadakan pada hari Khamis, 10 Muharam 1445 bersamaan 27 Julai 2023 bermula pukul 6.00 petang bertempat di Masjid Mohammad Bolkiah, Serusop.
- c) Khutbah Jumaat Khusus Sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-18 pada hari Jumaat, 28 Julai 2023.
- d) Festival Hari Belia akan diadakan mulai 1 Ogos 2023 sehingga 31 Ogos 2023 di keempat-empat daerah.

Beberapa SOP juga perlu dipatuhi bagi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-18, Tahun 2023:

- a) Membuat Ujian ART di rumah sebelum menghadiri majlis/acara dan seterusnya memuat naik keputusan ujian ke BruHealth;
- b) Tidak hadir majlis/acara jika ada simptom-simptom seperti demam, batuk, selsema, sakit leher dan seumpamanya;
- c) Memakai sungkup muka di sepanjang majlis/acara dijalankan jika perlu;
- d) Sentiasa menjaga kebersihan diri seperti mensanitasi tangan;
- e) Mengamalkan etika batuk dan bersin;

Di Majlis Sidang Media tersebut, penyampaian poster Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-18, Tahun 2023 kepada wakil setiap Persatuan-Persatuan Belia juga telah diserahkan oleh Yang Mulia Pengiran Mohd Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukanan) selaku mangku Setiausaha Tetap (Kebeliaan).

Di akhir sidang media berkenaan, pihak Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-18, Tahun 2023 menjunjung dan mempersilakan rakyat dan penduduk terutama golongan belia dan pemimpin belia untuk sama-sama memeriahkan sambutan ini 4 dengan turut hadir ke majlis sambutan dan pameran termasuk majlis-majlis keagamaan iaitu Majlis Doa Kesyukuran dan sembahyang berjemaah yang akan diadakan di Masjid Mohammad Bolkiah, Serusop bagi sama-sama memohon keberkatan dan keredhaan Allah SWT agar rakyat dan penduduk serta negara kitani sentiasa terpelihara dan dilindungi dari segala perkara yang boleh menjejaskan keselamatan dan kesejahteraan negara kita yang disayangi termasuk kita semua.

## MAJLIS SAMBUTAN ILAL HIJRAH 1445 KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN DAN JABATAN-JABATAN DIBAWAHNYA



**Bandar Seri Begawan, Selasa, 7 Muharam 1445 / 25 Julai 2023** - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1445 di Dewan Digadong Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Bagi memberkati majlis, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang diketuai oleh Yang Mulia Awang Haji Mohd Azrol Alim bin Haji Zaini, Pejabat Masjid Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Hal Ehwal Masjid.

Seterusnya, bacaan ayat suci Al-Quran, Surah Ali 'Imran ayat 85 hingga 90, yang dibaca oleh Yang Mulia Awang Abdul Qawiyel Azeez bin Haji Abdul Rajid, Johan Qari Pertandingan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1444/2023 dan Sari Tilawah disampaikan oleh Yang Mulia Muhammad Amirul Izzuddin bin Awang Samhiri, Pegawai Perpustakaan, Jabatan Muzium-Muzium.

Majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Mulia Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus, Pemangku Pengarah Muzium selaku Pengerusi Majlis.

Majlis diserikan dengan Ceramah Khas bertajuk Ugama Dipelihara Negara Sejahtera yang telah disampaikan oleh yang Mulia Ustaz Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustafa, Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Dakwah Islamiah.

Seterusnya, majlis diserikan lagi dengan Dikir Marhaban dan Doa Selamat oleh kumpulan Firqah Al-Falaah untuk meraikan kepulangan 10 orang Jemaah Haji yang terdiri dari Pegawai dan Kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dan Doa Memohon Perlindungan dari Wabak COVID-19 oleh Yang Mulia Haji Mohd Azrol Alim bin Haji Zaini, Pegawai Pemantau Zon 2, Pejabat Masjid Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Selawat Tafriyyah dan Sayyidul Istighfar sebagai penutup majlis.



## KUNJUNGAN HORMAT



**Berakas, Selasa, 7 Muharam 1445 / 25 Julai 2023** - Yang Mulia Dayang Hajah Norashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menerima kunjungan hormat daripada Puan LeAnn Naillon, Pengasas dan Pemilik Telos Coaching and Consulting Boise, Idaho, Amerika Syarikat.

Beliau di iringi oleh Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin bin Haji Abdul Wahab, Presiden Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya. Turut hadir adalah Yang Mulia Dayang Hajah Noridah binti Abdul Hamid, Pemangku Pengarah Bahagian Perkhidmatan Sosial dan beberapa pegawai daripada Bahagian Orang Kelainan Upaya, Jabatan Pembangunan Masyarakat serta Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

Pada kunjungan hormat tersebut, kedua-dua belah pihak menyentuh beberapa isu semasa yang menjadi perhatian dan kepentingan bersama.

Kedua-dua belah pihak merakamkan rasa penghargaan atas hubungan kerjasama yang terjalin sejak sekian lamanya dan berharap ia akan sentiasa berkembang dan dapat diperkukuhkan lagi melalui pertukaran lawatan dan kerjasama dalam bidang-bidang yang sedia ada dan pada masa akan datang.

**PENGURNIAAN DARJAH SETIA NEGARA BRUNEI YANG AMAT BAHAGIA  
DARJAH KEEMPAT (P.S.B.) KEPADA  
YANG MULIA AWANG ADI SALIHIN BIN ROSLAN, ATLET SUKAN WUSHU**



**Balai Singgahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman, Selasa, 08 Muharam 1444 / 26 Julai 2023** - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyembahkan setinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pengurniaan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Keempat (P.S.B.) kepada salah seorang atlet Wushu negara iaitu Yang Mulia Awang Md Adi Salihin bin Roslan semasa Majlis Istiadat Mengurniakan Bintang – Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam bagi Memperingati Hari Puja Usia Yang Ketujuh Puluh Tujuh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pengurniaan bintang kebesaran kepada Yang Mulia Awang Md Adi Salihin bin Roslan adalah atas pencapaian dan kejayaan beliau dalam mengharumkan nama negara dengan meraih tiga (3) pingat emas bagi sukan Wushu di edisi Sukan Asia Tenggara secara berturut-turut iaitu pada tahun 2019 di Filipina, tahun 2022 di Vietnam dan kali terakhir adalah pada tahun 2023 semasa Sukan Asia Tenggara Ke-32, Kemboja. Kejayaan Yang Mulia Md Adi Salihin bin Roslan ini telah memperlihatkan keupayaan anak Brunei dalam memberikan saingan apatah lagi sukan yang disertai ini bukanlah sukan yang lazim disertai atau diikuti oleh anak Brunei.

Ini juga telah menunjukkan tahap keyakinan anak muda Brunei yang cekal dan beliau menjadi sumber inspirasi kepada penggiat-penggiat sukan yang lainnya bahawa kemenangan pada kejohanan – kejohanan berprestij seperti Sukan Asia Tenggara adalah tidak mustahil dengan disiplin serta latihan yang konsisten.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengucapkan setinggi tahniah kepada Yang Mulia Awang Md Adi Salihin bin Roslan dan berharap kejayaan ini akan menjadi penyuntik semangat kepada masyarakat secara amnya dan kepada atlet-atlet khususnya untuk terus menunjukkan dan meningkatkan prestasi yang terbaik dalam apa jua bidang sukan yang diceburi.



**LAWATAN KERJA TUAN AUBECK KAM,  
SETIAUSAHA TETAP  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN SOCIAL DAN KELUARGA (MSF),  
REPUBLIK SINGAPURA KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**



**Berakas, Rabu, 8-10 Muharam 1445 / 26 Julai 2023** - Yang Mulia Tuan Aubeck Kam, Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSF), Republik Singapura berserta rombongan telah membuat lawatan kerja ke Negara Brunei Darussalam.

Objektif lawatan kerja ke negara ini adalah untuk mengetahui dengan lebih lanjut beberapa program di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan seperti Sistem Kebajikan Negara, Pencen Umur Tua dan Care Giver Support, Call Centre Talian Kebajikan 141 dan Talian Anak 121, lawatan ke Pusat Kegiatan Warga Emas, Pembayaran Pencen Umur Tua melalui Ketua Kampong, lawatan ke rumah Panjang di Daerah Temburong dan mengadakan kunjungan hormat kepada Yang Berhormat Menteri Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir dalam lawatan kerja tersebut Yang Mulia Dayang Hajah Norashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dayang Hajah Noridah binti Abdul Hamid, Pemangku Pengarah Bahagian Perkhidmatan Sosial, Yang Mulia Dayang Fauziah binti Haji Mohd Salleh, Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat serta pegawai-pegawai Bahagian Perkhidmatan Sosial dan Jabatan Pembangunan Masyarakat.



## MAJLIS DOA KESYUKURAN SEMPENA SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN KE-18, TAHUN 2023



**Bandar Seri Begawan, Khamis, 9 Muharam 1444 / 27 Julai 2023** - Sambutan Hari Belia Kebangsaan diraikan bagi memberikan pengiktirafan dan penghargaan kepada para belia yang banyak memberi sumbangan bakti dan impak kepada penduduk dan masyarakat di negara ini, selain sebagai platform kearah memberigakan kejayaan para belia diperingkat kebangsaan, serantu dan antarabangsa dalam mengangkat dan memartabatkan sumbangan para belia diseluruh negara.

Pada tahun ini, acara Kemuncak Sambutan iaitu Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-18 dengan tema "Belia Siaga Masa Depan" akan diadakan pada Selasa, 14 Muharam 1445 bersamaan 1 Ogos 2023 bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Bersempena dengan sambutan tersebut, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran (Solat Fardhu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Bacaan Surah Yaasin, Bertahlil serta Doa Kesyukuran) pada hari ini bertempat di Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop.

Aturcara majlis dimulakan dengan Solat Fardhu Maghrib Berjemaah diimamkan oleh Yang Mulia Awang Mohamad Omar Afiq Hasyir bin Awang Haji Ismail, Pegawai Masjid, Masjid Mohamed Bolkiah Kg Serusop, diikuti dengan Solat Hajat Berjemaah diimamkan oleh Yang Mulia Awang Mohamad Afiq Hasyir bin Awang Haji Ismail, Pegawai Masjid, Masjid Mohamed Bolkiah Kg Serusop dan disusuli dengan bacaan Surah Yaasin dan Tahlil dipimpin oleh Yang Mulia Awang Muhammad Rusydi@Arif bin Haji Ali / Haji Abd Aziz (Surah Yaasin) dan Yang Mulia Awang Ahmad Hisyamuddin bin Haji Abdul Rahim (Tahlil), Belia-Belia Masjid Mohamed Bolkiah Kg Serusop dikhususkan kepada Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, dan kaum muslimin dan muslimat yang telah kembali kerahmatullah. Majlis diteruskan dengan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan ke-18, Tahun 2023 dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam serta Doa Menghindari Wabak Covid-19 dibacakan oleh Yang Mulia Awang Mohamad Omar Afiq Hasyir bin Awang Haji Ismail, Pegawai Masjid, Masjid Mohamed Bolkiah Kg Serusop. Majlis diakhiri dengan Solat Fardhu Isyak berjemaah diimamkan oleh Yang Mulia Awang Haji Mohd Halidi bin Haji Juni, Pegawai Masjid, Masjid Mohamed Bolkiah Kg Serusop.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi majlis tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir ialah Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-18, Tahun 2023.

Majlis turut dihadiri oleh ahli-ahli Persatuan dan Pergerakan Belia dan Sukan; Pasukan-Pasukan Belia Berunifom; Institusi-Institusi Pengajian Tinggi dan Menengah, Belia-Belia Masjid; Ahli-Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Mohamed Bolkiah Kg Serusop dan belia-belia amnya bagi sama-sama memanjatkan doa dan sebagai tanda kesyukuran betapa beruntungnya belia di negara ini terus hidup dalam suasana aman dan bebas bergerak dengan sokongan kerajaan secara berterusan.



## "REGIONAL FORUM ON CARE WORK IN ASEAN COUNTRIES"



**Vientiane, Lao PDR, Khamis - Jumaat, 9-10 Muharam 1445 / 27-28 Julai 2023** - *Regional Forum on Care Work in ASEAN Countries* telah diadakan pada 27 hingga 28 Julai 2023 yang mana forum tersebut adalah salah satu kesinambungan bagi dokumen **ASEAN Comprehensive Framework on Care Economy** di bawah Tunggak *ASEAN Socio-Cultural Community (ASCC)*, yang telah diluluskan semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-38 dan Ke-39 pada 26 Oktober 2021, semasa Negara Brunei Darussalam menjadi Pengerusi ASEAN pada tahun 2021.

Delegasi Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, selaku *Alternate Senior Officials' Committee for the ASEAN Socio-Cultural Community (SOCA)* Brunei Darussalam serta pegawai-pegawai daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Forum tersebut antaranya dihasratkan untuk menekankan kepentingan menilai dan melabur dalam care economy sebagai salah satu pemacu pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial di rantau ASEAN; juga sebagai satu platform perkongsian amalan terbaik, pendekatan inovatif dan inisiatif dasar-dasar yang dapat menyokong pembangunan care economy; dan seterusnya memupuk sokongan dan kerjasama antara negara-negara ahli ASEAN bersama organisasi berkaitan.

Semasa forum tersebut, Yang Mulia Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) telah menyampaikan *Keynote Address* mengenai *ASEAN Comprehensive Framework on the Care Economy (ACFCE)* yang mana Negara Brunei Darussalam, melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, adalah pengasas dokumen ACFCE tersebut. Yang Mulia Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) telah mengongsikan latarbelakang mengenai hasrat dokumen berkenaan dan antaranya adalah pengiktirafan ASEAN terhadap kepentingan untuk memanfaatkan perkongsian dan kerjasama yang kukuh untuk melindungi setiap peringkat penduduk ASEAN, dengan memastikan adanya dasar dan program ke arah masyarakat pemeduliaan dan ekonomi yang mampan. Dalam perkara ini, dokumen ACFCE adalah panduan yang diperlukan. ASEAN, dengan sokongan rakan kongsi, boleh memetakan dan melaksanakan inisiatif, khususnya dalam memeduli satu sama lain dan bersiap sedia untuk masa hadapan.

Yang Mulia Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) juga telah menerangkan mengenai enam Strategi Keutamaan (*Strategic Priorities*) di dalam dokumen ACFCE tersebut, iaitu:

- a. *Promoting Healthy Ageing and Leveraging Opportunities in Ageing Societies in Southeast Asia;*
- b. *Enhancing the Role of the Care Economy in Building a Disaster Resilient ASEAN;*
- c. *Accelerating Technology Innovations and Digital Transformation of the Care Economy in ASEAN;*
- d. *Building Stronger and Resilient Families as the Foundation of the Care Economy;*
- e. *Enhancing Social Protection / Leaving No One Behind;* dan
- f. *Resilience and Care for the Environment.*

*Regional Forum on Care Work in ASEAN Countries* telah dimulakan dengan perkongsian amalan terbaik mengenai pelaksanaan care economy oleh negara-negara ahli ASEAN. Antara perkara yang dikongsikan oleh Negara Brunei Darussalam adalah:

- a. Pelan Tindakan baharu bagi Warga Emas sedang giat dirangka, dengan tumpuan bagi menyemak semula "penuaan yang berjaya", sejajar dengan fokus Kementerian Kesihatan serta di bawah bimbingan *UN Decade on Ageing* dan *World Health Organisation Regional Action Plan on Health Ageing in the Pacific West 2021 -2025*. Ini adalah sebahagian daripada kesinambungan inisiatif strategik untuk memperkasa dan memastikan kebajikan warga emas, bagi membolehkan mereka menjadi anggota masyarakat yang berdikari, produktif dan sihat agar mereka dapat menyumbang ke arah pembangunan negara.
- b. Pindaan Perintah Akta Pencen Umur Tua dan Kurang Upaya (Pindaan), 2021 merupakan penambahbaikan dengan memperkenalkan elaun penyedia penjagaan (*Care Provider Allowance*) pada jumlah B\$250.00 bagi penerima elaun-elaun kurang upaya yang berhak. Kriteria kelayakan Elaun Kurang Upaya dengan menghilangkan syarat tidak dapat bekerja, telah memperkasakan golongan orang kurang upaya di Negara Brunei Darussalam untuk aktif mencari pekerjaan.
- c. Pelan Kebangsaan Wanita juga giat digubal, berpaksikan kepada hasil penyelidikan pembangunan wanita di Negara Brunei Darussalam, yang sedang dilaksanakan. Penyelidikan berkenaan bertujuan bagi mengenal pasti isu-isu utama yang boleh menjejaskan pembangunan wanita terutama kehidupan ekonomi mereka dan keseimbangan kerja-kerja kehidupan, ke arah sebuah institusi keluarga yang kukuh.

Forum tersebut kemudian diteruskan dengan perbincangan dan pengongsian amalan terbaik mengenai perkara-perkara berkaitan, seperti *Care Responsive Policy Ecosystem: From Infrastructure to Services; Care Workforce: Key Considerations and Policy Strides Made; From Maternity Protection to Childcare;* dan *Data and Evidence Building on Care*, yang dikongsikan oleh Sekretariat ASEAN; *Ministry of Women's Affairs, Cambodia; Municipal Vice Mayor of the Philippines; Philippines Commission on Women; Vietnam Women Union; International Domestic Workers Federation India; Oxfam International (ASEAN Engagement Coordinator, Gender Justice Policy and Advocacy); Oxfam Indonesia; UNESCAP; UN Women Regional Office; Women, Empowerment and Gender Equality, Asia Foundation; Asia Monitor Resource Centre; World Bank; Institute of Development Studies; dan International Women's Right Action Watch Asia Pacific.*

Pada hari kedua, forum diteruskan dengan perbincangan cadangan untuk dihadapkan kepada badan-badan sektoral ASEAN yang berkaitan serta lawatan ke *Informal Women Workers in Nongtha Tai Village, Vientiane.*

Forum tersebut telah dihadiri oleh negara-negara ahli ASEAN melalui Badan-Badan Sektoral masing-masing, Sekretariat ASEAN, dan organisasi-organisasi berkaitan seperti *ASEAN Women Entrepreneurs Network (AWEN), International Domestic Workers Foundation/Federation, International Labour Organisation (ILO), Asian Development Bank (ADB), World Bank, dan Asia Foundation.*



## MAJLIS KHATAM AL-QURAN PROGRAM JATI DIRI KOHORT KE-3



**Batu Apoi, Temburong, Jumaat, 10 Muharam 1445 / 28 Julai 2023** - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Bahagian Khidmat Bakti Negara dengan kolaborasi bersama 'Manpower Planning and Employment Council', Jabatan Perdana Menteri dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei, Kementerian Pendidikan mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi Pelatih Program Jati Diri Kohort 3 telah dilangsungkan di Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Batu Apoi Temburong. Seramai 68 orang Pelatih Program Jati Diri Kohort 3 ikut serta majlis tersebut.

Hadir sebagai Tetamu Kehormat di majlis tersebut adalah Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Mulia Mejar (Bersara) Haji Mohammad bin Dollah, Pemangku Pengarah Khidmat Bakti Negara [BKBN] selaku Pengerusi Majlis.

Majlis tersebut adalah merupakan salah satu kurikulum latihan bagi mengukuhkan ciri-ciri kerohanian, keimanan dan ketakwaan mereka yang telah ditanamkan sepanjang jangkawaktu mengikuti latihan Program Jati Diri.

Majlis tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Tetamu Kehormat dan seterusnya diikuti dengan bacaan-bacaan Khatam Al-Quran, Tahlil dan Doa Allah Peliharakan Sultan yang diketuai oleh 1268 Pelatih Muhammad Isyraf Dinie bin Asni dari Platun 4 dan Bacaan Takhtim diketuai oleh 1233 Pelatih Mohammad Muizuddin bin Abdullah Masruni dari Platun 1. Manakala, Doa Khatam Al-Quran diketuai oleh 1244 Pelatih Md Shahrol Nizam bin Abdullah Aldani dari Platun 2 dan seterusnya Dikir Marhaban yang diketuai oleh Ustaz Muhamad Muqri bin Haji Rosli, Penolong Pegawai Kerohanian dan Keagamaan Program Jati Diri Kohort 3. Sesi Penyampaian Sijil kepada para Pelatih Program Jati Diri Kohort 3 yang disampaikan oleh Tetamu Kehormat bagi Pelatih Lelaki dan Pemangku Ketua Sekretariat Tetap 'Manpower Planning and Employment Council' bagi Pelatih Perempuan, selepas itu dialu-alukan kesemua para jemputan menikmati jamuan dan diakhiri dengan sesi Bergambar Ramai bersama Tetamu Kehormat.



Majlis ini diadakan bertujuan untuk memenuhi hasrat khususnya mewujudkan para Pelatih Program Jati Diri dan belia yang Syumul dan cemerlang kearah mendukung konsep 'Melayu Islam Beraja' dan 'Negara Zikir'.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah Yang Mulia Pengiran Mohd Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim, Pegawai Daerah Temburong, Pemangku Ketua Sekretariat Tetap 'Manpower Planning and Employment Council', Pengarah Pendidikan Teknik/Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Pendidikan Teknikal Brunei, Pengarah-Pengarah serta Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



# MAJLIS PENYERAHAN BENDERA KEPADA KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE 7TH COMMONWEALTH YOUTH GAMES, TRINIDAD & TOBAGO TAHUN 2023



**Bandar Seri Begawan, Isnin, 13 Muharam 1445 / 31 Julai 2023** - Negara Brunei Darussalam akan menghantar kontinjen bagi menyertai 7th Commonwealth Youth Games, Trinidad & Tobago 2023 yang akan diadakan secara rasminya bermula pada 4 hingga 11 Ogos 2023.

Kontinjen Negara Brunei Darussalam dianggotai seramai 8 orang terdiri daripada 4 orang atlet dan 4 orang pegawai termasuk Chef de Mission, Ketua Urus Setia, Safeguarding Lead Officer dan Jurulatih.

Sehubungan dengan itu, Majlis Penyerahan Bendera Negara Kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam Ke 7th Commonwealth Youth Games, Trinidad & Tobago 2023 telah diadakan bertempat di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Aturcara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Yang Mulia Awang Md Irfan bin Haji Ali Akhbar, Pegawai i-Ready Pembantu Imam Pusat Pembangunan Belia dan diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Mulia Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Penyerahan bendera Negara Brunei Darussalam disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan kepada Yang Mulia Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly, Timbalan Pengarah Belia dan Sukan selaku Chef de Mission Kontinjen Negara Brunei Darussalam Ke 7th Commonwealth Youth Games, Trinidad & Tobago 2023. Doa Selamat dibacakan oleh Yang Mulia Awang Md Irfan bin Haji Ali Akhbar, Pegawai i-Ready, Pembantu Imam Pusat Pembangunan Belia. Sebelum majlis bersurai, tetamu kehormat majlis telah bergambar ramai bersama Kontinjen Negara Brunei Darussalam

Edisi Commonwealth Youth Games kali ini, Negara Brunei Darussalam akan menyertai sebanyak satu acara sukan yang dipertandingkan iaitu sukan renang.

Kali terakhir negara menyertai Commonwealth Youth Games ialah pada tahun 2015 di Samoa.

Kontinjen negara dijangka bertolak ke Trinidad & Tobago ialah pada hari Selasa, 1 Ogos 2023.





دولت كباو لا دولي توان فاتيقي

*Daulat Kebawah Duli Tuan Patik*

77

26 Zulhijjah 1444H | 15 Julai 2023M

Sempena Menyambut Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

"Ya Allah, Lanjutkanlah Usia Baginda dan Kekal Oarar Memerintah Negara dengan 'Inayah serta Perlindungan Allah"

[www.kkbs.gov.bn](http://www.kkbs.gov.bn)

[kkbs\\_brunei](https://www.instagram.com/kkbs_brunei)

[Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](https://www.facebook.com/KementerianKebudayaanBeliaDanSukan)

**E-POSTER SEMPENA HARI KEPUTERAAN  
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI  
BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-77 TAHUN 1444/2023**



# سَلامٌ إلى المَهِجِرةِ

SALAM ILAL HIJRAH

اكام دقليهارا، نكارا سجهترا

01 MUHARRAM 1445H



 [www.kkbs.gov.bn](http://www.kkbs.gov.bn)

 [kkbs\\_brunei](https://www.instagram.com/kkbs_brunei)

 Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

## E-POSTER SEMPENA SAMBUTAN AWAL TAHUN HIJRAH 1445/2023





كـمـتـرـيـن كـبـوداـيـان بـليـا دـان سـوكـن

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**Dikeluarkan oleh:**

**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**

**Negara Brunei Darussalam**

**E-mel:** [Info@kkbs.gov.bn](mailto:Info@kkbs.gov.bn)

**Laman Sesawang:** [www.kkbs.gov.bn](http://www.kkbs.gov.bn)

**Instagram:** @kkbs\_brunei

**Facebook:** Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

